

5 MINIT EMAS

- E-book yang anda baca ini mungkin sudah outdated. Sila dapatkan versi TERKINI dari link www.g100.my/5-minit-emas
- **BACA** kesemua bahagian E-book ini.
- Jika bermanfaat, **SHARE** kepada kenalan yang lain supaya mereka juga dapat manfaat yang sama.

E-BOOK 5 MINIT EMAS



PUBLIC *G*OLD



SENARAI KANDUNGAN

Persoalan Asas

Tentang Emas

- 2 **ASB, Tabung Haji** atau emas?
- 3 Harga emas akan **sentiasa naik**?
- 5 Simpan emas boleh dapat **pendapatan**?
- 5 Cara **buat untung** dengan emas?
- 6 Emas menjadikan penyimpanannya **bertambah kaya**?
- 7 **Kelebihan emas** berbanding aset lain?
- 9 **Jumlah simpanan** emas setiap orang patut ada?
- 10 Perkara wajib tahu untuk **elak kerugian**?
- 11 Beli emas dengan **duit pinjaman**?
- 11 Duit yang sesuai untuk beli emas?
- 13 Jumlah emas yang dikenakan **zakat**?

Memilih Emas Terbaik

- 15 **Barang kemas**, gold bar, ataupun dinar. Mana lebih baik?
- 16 Beza **dinar** dengan **gold bar** ?
- 17 **Kriteria pilih emas** pelaburan terbaik?
- 18 **Jenama emas terbaik** di Malaysia?
- 19 **Kelebihan emas Public Gold**?
- 20 **Akaun emas** atau **emas fizikal**?



SENARAI KANDUNGAN

Strategi Jual, Beli dan Pajak

- 22 Bila **waktu** terbaik **beli** emas?
- 22 Bila **waktu** terbaik **jual** emas?
- 23 Di mana tempat **terbaik jual emas**?
- 23 **Jual barang kemas lama** untuk beli gold bar/dinar?
- 24 **Jual atau pajak**, yang mana lebih baik?

Syarikat Public Gold

- 26 **Cara daftar** sebagai ahli Public Gold?
- 27 **Bajet minimum** untuk mulakan simpanan emas?
- 28 Bolehkah beli secara **walk-in** di branch public gold terdekat?
- 28 Adakah **GIT (pos emas berinsuran)** yang disediakan oleh public gold dijamin selamat?
- 29 Kalau nak pakai duit, bagaimana cara nak **jual balik** emas public gold?
- 29 Bagaimana cara untuk pastikan **ketulenan** emas public gold?

Keistimewaan Menyimpan Emas di Bawah Rangkaian G100 [30]



PERSOALAN ASAS TENTANG EMAS

1

ASB, TABUNG HAJI ATAU EMAS?

Untuk simpanan jangka pendek, ASB atau Tabung Haji lebih baik. Pulangannya konsisten sekitar 4% - 5% setahun.

Tapi untuk jangka panjang (2 tahun dan ke atas), emas lebih baik. Sejarah 22 tahun menunjukkan harga emas naik secara purata sekitar 19% setahun.

Tahun	ASB (%)	Tabung Haji (%)	Emas USD (%)
2002	7.00	3.50	24.70
2003	7.25	4.00	19.70
2004	7.25	4.30	5.30
2005	7.25	4.50	20.00
2006	7.30	4.75	23.00
2007	8.00	5.00	30.90
2008	7.00	5.00	5.60
2009	7.30	5.00	23.40
2010	7.50	5.50	29.50
2011	7.65	6.00	10.10
2012	7.75	6.50	7.00
2013	7.70	6.00	-28.30
2014	7.50	6.25	-1.50
2015	7.25	5.00	-10.40
2016	6.75	4.25	9.10
2017	7.25	4.50	13.60
2018	7.00	1.25	-2.10
2019	5.50	3.05	18.90
2020	4.25	3.10	24.60
2021	5.00	3.10	-3.50
2022	4.60	3.10	-0.30
2023	5.25	3.10	18.75
2024	5.75	3.25	45.64
Purata tahunan	6.74	4.35	19.40
Catatan penting	Belum tolak zakat 2.5%	Bersih selepas zakat	Belum tolak zakat 2.5%

PRESTASI
22 TAHUN
ASB, TH &
EMAS

6.74%
ASB

4.35%
TABUNG HAJI

19.40%
EMAS



Simpanan Jangka Pendek
vs Jangka Panjang

Duit simpanan **jangka pendek**, simpanlah dalam **ASB atau Tabung Haji**. Untuk **jangka panjang** (2 tahun ke atas), simpanlah dalam bentuk **emas**.



HARGA EMAS AKAN SENTIASA NAIK?

Untuk jangka pendek, harga emas sentiasa ada naik turun. Tetapi dalam jangka panjang, harga emas akan sentiasa naik sebagaimana kenaikan harga barang keperluan.

Selagi sistem duit kertas (wang fiat) digunakan; kerajaan terus mencetak wang yang menyebabkan nilai duit semakin menurun dari tahun ke tahun, selagi itulah harga emas akan terus naik.



Harga emas naik 770% sejak 1995 (30 tahun lalu). Dari sudut lain, sebenarnya ia menunjukkan kejatuhan nilai duit. Kita terpaksa bayar duit lebih banyak untuk dapatkan emas yang sama.



Selamatkan Nilai Simpanan

Duit yang ditukar menjadi emas selamat daripada kejatuhan nilai dalam jangka panjang disebabkan (1) inflasi, dan (2) kejatuhan nilai ringgit.



Harga Roti Gardenia Confirm Akan Naik?



Tidak ada sesiapa berani sangkal, harga Roti Gardenia akan sentiasa naik dalam jangka panjang. **Inflasi menyebabkan kita perlu bayar lebih mahal untuk dapatkan barang yang sama.**

Di sebalik harga makin mahal, hakikatnya **inflasi menyebabkan kuasa beli duit makin lama makin menurun.**

Kalau harga roti dan barang keperluan pun confirm akan naik, apatah lagi emas, rumah, tanah dan aset fizikal yang lain. Sudah tentunya akan semakin mahal.

Jadi **tidak ada keraguan lagi harga emas akan terus naik dalam jangka panjang kerana faktor inflasi...**



Jutawan Duit vs Jutawan Emas

Kuasa Beli Duit Satu Juta



Tahun 2005	20 kg emas
Tahun 2010	7.7 kg emas
Tahun 2015	6.6 kg emas
Tahun 2020	3.6 kg emas
Tahun 2025	1.8 kg emas



Harga 20 Kilogram Emas

Tahun 2005	RM1 juta
Tahun 2010	RM2.6 juta
Tahun 2015	RM3 juta
Tahun 2020	RM5.4 juta
Tahun 2025	RM10.6 juta

Sekiranya duit RM1 juta ditukar kepada emas pada tahun 2005, pada tahun 2025 nilainya menjadi RM10.6 juta!



SIMPAN EMAS BOLEH DAPAT PENDAPATAN?

Tidak. Pelaburan emas tidak ada pendapatan seperti dividen ASB atau Tabung Haji.

Kalau ada mana-mana pihak menawarkan pelaburan emas yang ada pendapatan bulanan atau tahunan seperti dividen, itu semua **skim cepat kaya bertopengkan emas (scam)**.



CARA BUAT UNTUNG DENGAN EMAS?

- (1)** Asasnya "**beli harga rendah, jual harga tinggi**". Bila ada duit untuk **simpanan sekurang-kurangnya 2 tahun dan ke atas**, tukarkan kepada emas.
- (2)** Simpan selama mungkin. Jangan jual emas tersebut kecuali bila ada peluang untuk **tukarkan kepada aset yang lebih baik** dan memberikan cashflow, antaranya;
 - Beli hartanah di bawah harga pasaran
 - Beli tanah yang mendatangkan hasil
 - Jadikan modal pusingan bisnes
 - Langsaikan pinjaman bank lebih awal untuk dapat rebat.



Strategi Kaya Dengan Emas

*Duit simpanan jangka panjang tukarkan kepada emas. Jangan jual emas kecuali bila ada peluang untuk **ditukarkan kepada aset yang lebih baik**.*

5

EMAS MENJADIKAN PENYIMPANNYA CEPAT KAYA?

Ini faktor membuatkan kekayaan penyimpan emas bertambah dengan cepat dari bulan ke bulan;

- (1) **MAKIN MAHAL** : Harga emas makin lama makin mahal, dan akan sentiasa mahal. **Tiada satu zaman pun harga emas dianggap murah.**
- (2) **TAK BOCOR** : Bila duit simpanan sudah ditukarkan menjadi emas, secara automatik **hilang nafsu berbelanja** - sebab "nombor" yang 'menggoda' telahpun hilang.
- (3) **CEPAT BERTAMBAH** : Tuhan jadikan naluri manusia pada emas untuk disimpan dan dikumpul, bukan untuk dibelanjakan.

Kepingan emas yang cantik membuatkan penyimpannya **ketagih untuk kumpul lebih banyak, lagi dan lagi...**



Tip Menabung Berkesan



Keseronokan kita pada **duit** ialah **membelanjakannya**. Tapi keseronokan kita pada **emas** ialah **menyimpan dan mengumpulnya**. Itu naluri setiap manusia...

Kalau kerja bertahun-tahun tapi masih tak ada tabungan yang cukup, ubahlah cara kepada menabung emas setiap bulan. **Emas terbukti bukan sahaja kali inflasi, tetapi juga KALIS BOROS.**



KELEBIHAN EMAS BERBANDING ASET LAIN?

#1 - UBAT MUJARAB PENYAKIT BOROS

Emas boleh dijadikan penyelesaian bagi siapa yang ada masalah duit simpanan yang sentiasa bocor. Iaitu kerja bertahun-tahun tapi masih tidak ada simpanan yang cukup, sekurang-kurangnya 3 bulan pendapatan.

#2 - SIMPANAN SELAMAT DARI INFLASI

Tahun 1980-an dulu, 50 sen sudah cukup anak-anak makan kenyang di sekolah. Tapi hari ini, perlu sekurang-kurangnya RM5.00 sehari. Maksudnya, nilai duit semakin lama semakin kecil.

Berbeza dengan emas. Zaman Nabi s.a.w. dulu, 1 dinar mampu beli seekor kambing. Hari ini pun, **1 dinar masih mampu beli seekor kambing**. Nilai emas terbukti bertahan walaupun setelah 1400 tahun lamanya.


#3 - ASET FIZIKAL MAMPU MILIK

Emas adalah **aset fizikal, sama seperti hartanah**. Tapi kita boleh beli dan memilikinya dengan bajet mampu milik, sekecil item 1 gram (bajet sekitar RM 520).

#4 - SELAMAT DARI RISIKO DIBEKUKAN

Semua harta boleh dibekukan oleh kerajaan sekiranya ditakdirkan seseorang itu jatuh bankrup atau nama disenarai-hitamkan, kecuali emas.

Emas adalah aset kewangan yang **tidak boleh dibekukan**. Ia aset terbaik untuk **sorokkan kekayaan** dan sebagai **benteng terakhir** kewangan keluarga.



KUASA BELI EMAS BERTAHAN DARI KESAN INFLASI

Pada zaman Nabi Muhammad s.a.w, seekor kambing boleh dibeli dengan syiling emas 1 dinar (berat 4.25 gram, ketulenan 999.9).

Hari ini, harga 1 dinar juga masih mampu untuk beli seekor kambing. Emas terbukti mengekalkan kuasa belinya selama 1,400 tahun.



Berbeza dengan duit kertas. Pada tahun 1980-an, duit 50 sen cukup untuk anak-anak makan kenyang di sekolah. Tapi hari ini perlu sekurang-kurangnya RM5.00 sehari!

Ini bukti nilai duit kertas sentiasa susut kuasa belinya dari tahun ke tahun dan tidak sesuai dijadikan simpanan jangka panjang.





JUMLAH SIMPANAN EMAS SETIAP ORANG PATUT ADA?

Menurut pakar kewangan Tuan Azizi Ali, setiap kita patut simpan sekurang-kurangnya **10%** daripada jumlah kekayaan (nett worth) kita dalam bentuk emas sebagai benteng terakhir kekayaan kita dan keluarga.

Bahagian 10% itu akan menyelamatkan kewangan kita sekeluarga kerana emas:

- (1) Tidak terjejas walau apapun keadaan ekonomi ataupun politik, hatta peperangan sekalipun.
- (2) Tidak ada siapa tahu berapa banyak simpanan emas yang kita ada.
- (3) Ia tidak boleh dibekukan oleh kerajaan sebagaimana aset-aset yang lain (jika ditakdirkan jatuh muflis atau nama disenarai-hitamkan).

NOTA : Individu yang diisytihar muflis, kesemua aset miliknya akan diambil dan diuruskan oleh Ketua Pengarah Insolvensi (KPI) untuk digunakan membayar hutang.



Benteng Terakhir Kewangan Keluarga

- (1) Letak target memiliki sekurang-kurangnya **100 gram emas satu keluarga**.
- (2) Bila sudah capai 100 gram pertama, target seterusnya memiliki **1 kilogram 1 keluarga**.
- (3) Mulakan tabiat menabung **1 gram 1 bulan** dulu melalui Akaun Emas GAP Public Gold.



PERKARA WAJIB TAHU UNTUK ELAKKAN KERUGIAN?

(1) Beli emas mesti dapat emas (fizikal), sama macam beli emas di kedai-kedai emas. Emas itu kita boleh simpannya sendiri, tanpa ada syarat mesti simpan dengan mana-mana syarikat untuk tempoh tertentu.

(2) Simpanan **emas tiada pendapatan** bulanan atau tahunan seperti dividen ASB/ Tabung Haji. Keuntungan cuma "beli harga rendah dan jual harga tinggi". Mana-mana pelaburan emas yang menjanjikan pendapatan, itu semua scam.

(3) Walaupun beli emas bermaksud simpan duit ("beli emas duit tak habis"), tapi **emas tak sesuai dibeli dengan duit yang nak digunakan dalam waktu kurang setahun.**

Kalau nak beli emas, pastikan guna duit yang nak disimpan untuk tempoh **sekurang-kurangnya 2 tahun ke atas** sahaja untuk elakkan kerugian.

(4) Untuk elakkan ditipu atau terkait dengan isu AMLA, **pastikan jual beli emas hanya dengan syarikat yang sudah trusted dan berkredibiliti sahaja.** Bukan dari individu yang tidak dikenali.

Transaksi jual beli emas terdedah kepada risiko terkait dengan aktiviti "gubahan wang haram" (AMLA) yang dipantau selia oleh BNM.



ADAKAH SESUAI BELI EMAS DENGAN DUIT PINJAMAN?

Tak sesuai. Kalau masih ada hutang yang cajnya mahal seperti kad kredit (dengan kadar interest 18% setahun), lebih baik fokus langsaikan hutang terlebih dahulu.

Tak berbaloi simpan emas yang keuntungannya sekitar 10%, kalau kos pinjaman yang masih tertanggung lebih tinggi melebihi 10%.



DUIT YANG MANAKAH SESUAI UNTUK BELI EMAS?


Apa sahaja duit untuk simpanan sekurang-kurangnya 2 tahun dan ke atas, ia sesuai ditukarkan kepada bentuk emas.



Menabung Emas Untuk Keperluan Masa Depan

Emas sesuai dijadikan apa sahaja tabungan jangka panjang, antaranya :

- *dana perkahwinan*
- *deposit beli rumah / tanah*
- *dana melunaskan pinjaman lebih cepat*
- *dana pendidikan anak-anak*
- *dana haji atau umrah*
- *dana persaraan atau lain-lain.*




KOS HAJI TURUN 88% JIKA DIBAYAR DENGAN EMAS

Kos haji makin mahal jika dibayar dengan duit kertas.

Tapi data menunjukkan, kos naik haji semakin lama semakin murah jika kita menabung dana haji dalam bentuk emas.

Tahun 1998, kos naik haji bersamaan 267 gram emas. Tapi tahun 2025, kos naik haji memerlukan hanya 28 gram sahaja.

Tahun	Kos Haji (RM)	Harga Emas (RM)	Jumlah Emas Diperlukan
1998	RM8,000	RM30/gram	267 gram
1999	RM8,131	RM35/gram	232 gram
2000	RM8,585	RM38/gram	225 gram
2002	RM9,445	RM42/gram	224 gram
2011	RM9,980	RM147/gram	68 gram
2017	RM9,980	RM180/gram	56 gram
2020	RM9,980	RM260/gram	39 gram
2023	RM10,980	RM280/gram	40 gram
2024	RM12,356	RM403/gram	30 gram
2025	RM15,000	RM533/gram	28 gram



Menabung Dana Haji Dalam 5 Tahun?

*Fokus menabung emas **1 gram 1 bulan**. Setelah **5 tahun**, anda akan ada 60 gram (12 gram x 5 tahun = **60 gram**). Ia cukup untuk kos menunaikan haji.*

11

JUMLAH EMAS YANG DIKENAKAN ZAKAT?



Emas simpanan dikenakan zakat **2.5%** sekiranya cukup **85 gram** (bersamaan **20 dinar**), dan disimpan untuk tempoh minimum **1 tahun** (mengikut tahun hijrah).

Barang kemas juga dikenakan zakat sekiranya; (1) jumlah emas tersebut **melebihi uruf** yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam mengikut negeri masing-masing), dan (2) telah mencukupi tempoh 1 tahun (kalendar hijrah).



Cara Pengiraan Zakat

Maklumat tentang cara pengiraan zakat, sila rujuk <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas/>

PUBLIC *G*OLD

MEMILIH EMAS TERBAIK

1

BARANG KEMAS, GOLD BAR, DINAR : MANA LEBIH BAIK?

Barang kemas dibuat untuk tujuan perhiasan, bukan untuk pelaburan.

Kalau beli emas untuk tujuan simpanan atau pelaburan, **gold bar atau dinar (berketulenan 999.9) lebih menguntungkan.** Ini kerana:

- (1)** Harga per gram lebih murah sekitar 15% berbanding barang kemas.
- (2)** Tiada "upah tukang" sebagaimana barang kemas yang upahnya berbeza mengikut design.
- (3)** Spread ('susut nilai') jauh lebih rendah, iaitu kurang dari 10% berbanding barang kemas 25% - 40%.



Beli barang kemas untuk pelaburan?



Barang kemas dikeluarkan untuk tujuan perhiasan. Ia untuk dipakai dan dipamerkan, bukan untuk disimpan.

Membeli barang kemas untuk tujuan simpanan atau pelaburan adalah satu kerugian yang besar.

Walaupun dalam jangka panjang, barang kemas tetap menguntungkan. Tetapi kita perlu menunggu waktu yang sangat lama untuk menikmati keuntungan tersebut.

Untuk perhiasan, belilah barang kemas. Untuk simpanan, belilah gold bar ataupun dinar.


2

DINAR ATAU GOLD BAR, MANA LEBIH BAIK?

Sama sahaja antara gold bar dan dinar dari sudut potensi keuntungan. Harga per gram sama, spread ('susut nilai') sama, ketulenan pun sama (ketulenan 999.9).

Bezanya cuma bentuk bulat & segi empat saja. 1 dinar beratnya 4.25 gram.

Koleksi Dinar



Koleksi Gold Bar Bunga Mas





KRITERIA MEMILIH EMAS PELABURAN TERBAIK?

Tak kisah emas jenama apa sekalipun, kalau beli untuk dijual pada harga lebih tinggi pada masa akan datang, sila semak 5 kriteria ini secara pakej sebelum membelinya :

- (1) **HARGA RENDAH** : Pastikan harga lebih rendah berbanding harga di kedai emas.
- (2) **SPREAD NIPIS** : Pastikan *spread* ('susut nilai') tak lebih 10% supaya lebih cepat dapat keuntungan.
- (3) **STOK TIADA HAD** : Supaya kita berpeluang beli pada bila-bila masa terutamanya ketika harga emas di paras yang rendah.
- (4) **CAWANGAN banyak** : Supaya kita tak perlu mengeluarkan kos yang mahal untuk beli atau jual.
- (5) **JAMINAN BELI BALIK** : Syarikat beri jaminan beli balik emas keluarannya pada harga tinggi **tanpa syarat cerewet** seperti kondisi emas kena cantik, sijil ketulenan tak boleh hilang, atau hanya penama berdaftar sahaja boleh jual dsb.



Pilih Emas Paling Untung

Harga emas paling murah tak semestinya paling untung. Banyak kes item emas yang harganya murah tapi merugikan bila nak menjualnya kelak.

Bila memilih emas pelaburan terbaik, pastikan semak kelima-lima kriteria di atas secara pakej.

4

APAKAH JENAMA EMAS TERBAIK DI MALAYSIA?

Ada banyak jenama emas di Malaysia. Tapi ini jenama emas pelaburan (emas fizikal) yang paling bereputasi dan platform jual belinya *reliable* :



Public Gold

- Lebih 80% penyimpan emas di Malaysia memilih Public Gold.
- Proses jual beli paling mudah melalui *mobile apps*, dan *servis hantar emas berinsuran*.
- Diterima meluas oleh ar-rahnu.



Kijang Emas

- Dijual di **Maybank branch** tertentu
- Harga dan kadar spread agak rendah, tapi sukar dapat stok.
- Syarat beli balik cerewet.



UOB Bank

- UOB menjual pelbagai jenama emas antarabangsa.
- Harga dan kadar spread agak rendah, tapi sukar dapat stok.
- Syarat beli balik cerewet.



Bank Muamalat

- Jual emas jenama **Perth Mint**
- Menawarkan jual beli emas fizikal dan akaun emas.
- Denominasi emas 5g, 10g, 20g, 50g dan 100g.



KELEBIHAN EMAS PUBLIC GOLD?

Lebih 80% penyimpan emas di Malaysia memilih emas Public Gold. Ia menjadi jenama pilihan no. 1 di Malaysia kerana **mudah dibeli, dan mudah dijual**. Selain itu;

(1) Patuh syariah

Syarikat emas pertama disahkan patuh syariah di Malaysia.

(2) Harga rendah

Harga lebih murah sekitar 15% berbanding kedai emas.

(3) Spread nipis

Spread yang nipis iaitu 6% - 9% sahaja.

(4) Cawangan jual beli banyak

18 cawangan di Malaysia, 5 cawangan di Indonesia.

(5) Boleh dibeli secara online 100%

Transaksi boleh dibuat 24 jam sehari melalui mobile apps, dan Public Gold hantarkan terus emas kepada pembeli menggunakan servis pos berinsuran.

(6) Stok tiada had

Boleh beli emas tanpa had walaupun ketika harga emas sedang jatuh.

(7) Jaminan beli balik

Public Gold jamin beli balik emas jenamanya pada harga tinggi walaupun emas tersebut calar, bengkok, ataupun kemek.

(8) Simpan emas percuma

Servis simpan emas percuma melalui Akaun Emas GAP - tak perlu bimbang di mana nak simpan emas yang dibeli.

(9) Rekod bersih lebih 15 tahun

100% pembeli emas Public Gold terima emas yang dibeli - sejak mula beroperasi pada tahun 2008 hingga sudah lebih 1.7 juta penyimpan emas berdaftar sehingga April 2025.



AKAUN EMAS ATAU EMAS FIZIKAL?

Emas terbaik ialah emas yang ada di tangan sendiri. Kalau beli melalui akaun emas, pastikan keluarkan emas fizikal bila cukup gram dalam akaun.


Dan kalau beli emas melalui akaun emas dari mana-mana syarikat atau bank, sila pastikan :

- (1) Proses pengeluaran emas fizikal adalah mudah tanpa banyak syarat yang merumitkan.
- (2) Kos pengeluaran emas fizikal yang dikenakan ada munasabah dan berbaloi.

Akaun Emas Mesra Pelanggan

Akaun emas paling mesra pelanggan di Malaysia ialah Akaun Emas GAP yang ditawarkan oleh Public Gold **sejak 2014**.

- Boleh menabung emas dengan bajet **serendah RM100**.
- Tidak ada komitmen.
- Boleh keluarkan emas fizikal sekecil **1 gram - sebesar 1 kg**.
- Tiada caj simpanan.
- Servis **penghantaran emas (berinsuran)** kepada pelanggan.
- Pilihan bayaran secara **auto-debit** setiap bulan.
- Transaksi 24 jam sehari melalui **mobile apps**.



PUBLIC & GOLD

STRATEGI JUAL, BELI DAN PAJAK

1 **BILA WAKTU TERBAIK BELI EMAS?**

Kesilapan pertama menabung emas ialah tunggu harga emas paling murah. Hakikatnya tak pernah ada satu zaman pun orang anggap harga emas murah.

Harga yang dianggap mahal hari ini akan dianggap murah beberapa tahun akan datang kerana harga emas *confirm* akan naik dalam jangka panjang.

Jadi cara terbaik untuk bermula ialah **mulakan dulu 1 gram pertama sebagai *benchmark*** harga. Nanti kita akan faham bila harga emas tinggi ataupun rendah.

Waktu terbaik beli emas sebenarnya **bila ada duit untuk simpanan sekurang-kurangnya 2 tahun ke atas** dan sudah faham ilmu asas tentang emas.

2 **BILA WAKTU TERBAIK JUAL EMAS?**

Ada 3 keadaan yang terbaik untuk jual emas :

- (1) Ada **peluang tukarkan kepada aset yang lebih baik**, seperti peluang beli rumah di bawah harga pasaran, atau untuk rolling modal bisnes.
- (2) Sudah **capai matlamat simpanan**, seperti sampai waktu naik haji, anak nak masuk universiti, atau dijadikan deposit membeli rumah.
- (3) Ada **hal kecemasan**, iaitu ketika mana duit simpanan kecemasan sudah habis.

3

DI MANA TEMPAT TERBAIK JUAL EMAS?

Tempat terbaik jual emas ialah **tempat di mana kita membelinya**.

Kalau beli emas Public Gold, jual balik kepada Public Gold. Kalau beli emas Poh Kong, jual balik ke kedai emas Poh Kong.

Ini kerana **pengeluar asal akan membelinya pada harga yang lebih tinggi** berbanding anda menjualnya di tempat lain.

4

JUAL BARANG KEMAS LAMA UNTUK BELI GOLD BAR/DINAR?

Tidak disarankan. Jual barang kemas lama tersebut hanya bila perlukan duit.

Kalau jual barang kemas untuk beli gold bar, kita akan **kerugian dua kali "spread" (potongan harga)**. Iaitu spread barang kemas (25% - 40%) dan spread gold bar yang baru dibeli (bawah 10%).

Kalau simpan sahaja barang kemas tersebut, kita hanya dikenakan sekali "spread" sahaja.

Formula Pengiraan "Spread"

$$\frac{\text{Harga "Sell" - Harga "Buy"}}{\text{Harga "Sell"}} \times 100$$

*Harga "Sell" dan "Buy" semasa rujuk di web pengeluar



JUAL ATAU PAJAK, YANG MANA LEBIH BAIK?

Secara idealnya, penyimpan emas tegar tak jual emas mereka kecuali dalam 3 situasi, iaitu:

1. Untuk ditukarkan kepada aset yang lebih baik,
2. Sudah capai matlamat simpanan, atau
3. Ada hal kecemasan, sedangkan dana kecemasannya sudah habis.

Selain daripada 3 situasi ini, penyimpan emas tegar akan pajak emas mereka kalau perlukan tunai segera. Dan akan tebus semula secepat mungkin dalam masa 6 - 12 bulan.

Sekiranya anda tidak mampu menebus emas tersebut dalam masa 6 - 12 bulan, pilihan terbaik ialah jual sahaja emas tersebut.



Info Pajak Emas

Ada emas maksudnya ada duit. Kalau nak pakai duit, boleh dapatkan pinjaman bercagarkan emas.

Bawa sahaja emas ke ar-rahnu terdekat. Mereka akan berikan **pinjaman on-the-spot** setelah setelah selesai ujian ketulenan emas tersebut.

Polisi setiap ar-rahnu berbeza-beza. Umumnya:

- **JUMLAH** pinjaman **65% dari nilai semasa**
- **TEMPOH** pinjaman **6 bulan + 6 bulan**
- **CAJ 1.15%** dari nilai pinjaman
- Emas yang tidak ditebus akan dilelong




PUBLIC GOLD

SYARIKAT PUBLIC GOLD

1

BAGAIMANA CARA DAFTAR SEBAGAI AHLI PUBLIC GOLD?

- Hubungi dealer Public Gold yang bertaualiah yang anda yakini dan berdaftar dengan dealer tersebut.
- Setelah berjaya mendaftar, download aplikasi "Public Gold" ([Android](#) | [iOS](#)) untuk buat pembelian cara yang lebih mudah.



- Hubungi dealer yang mendaftarkan anda jika ada sebarang persoalan dan untuk dapatkan bimbingan mengenai simpanan emas.
- Bagi yang sudah ada "PG Code" (user ID Public Gold), boleh gunakan PG Code sedia untuk login dan buat pembelian.

2

BAJET MINIMUM UNTUK MULAKAN TABUNGAN EMAS?

Dengan Public Gold, boleh mula menabung emas dengan bajet serendah **RM100** melalui **Akaun Emas GAP**. Dan boleh tambah tabungan pada bila-bila masa dengan bajet RM100 setiap kali belian.

- Tidak ada syarat wajib beli setiap bulan.
- Item paling kecil boleh dikeluarkan dari Akaun GAP ialah gold bar 1 gram (berketulenan 999.9) pelbagai design.



PUBLIC GOLD BULLION BAR 1G (999.9) - RAYA 2025



PUBLIC GOLD BULLION BAR 1G (999.9) - KETUPAT RAYA 2025



PUBLIC GOLD BULLION BAR 1G (999.9) - HAPPY NEW YEAR 2025



PUBLIC GOLD BULLION BAR 1G (999.9) - ASAM LAKSA



PUBLIC GOLD BULLION BAR 1G (999.9) - RABIULAKHIR



PUBLIC GOLD BULLION BAR 1G (999.9) - RABIULAWAL



Public Gold sentiasa mengeluarkan pelbagai design gold bar 1 gram dari semasa ke semasa. Sentiasa top-up Akaun Emas GAP anda supaya tidak terlepas design yang berkesan di hati.

3

BOLEHKAH BELI SECARA WALK-IN DI BRANCH PUBLIC GOLD TERDEKAT?

- Public Gold tidak terima belian secara walk-in.
- Untuk keselesaan pelanggan Public Gold yang dah melebihi 1 juta , branch Public Gold hanya berikan servis untuk pelanggan yang nak collect item emas bersaiz besar (yang tidak boleh dihantar melalui GIT i.e. pos berinsuran), iaitu item 50 gram / 10 dinar (42.5 gram) ke atas.
- Untuk datang collect emas, kena order, buat pembayaran, dan appointment terlebih dahulu.
- Untuk item kecil (item 5 dinar / 20 gram ke bawah), Public Gold akan pos terus dari HQ Penang menggunakan servis Gold-in-Transit (GIT).

4

ADAKAH GIT (POS EMAS BERINSURAN) YANG DISEDIAKAN OLEH PUBLIC GOLD DIJAMIN SELAMAT?

- Ya. Public Gold jamin emas tersebut selamat sampai kepada pelanggan atau digantikan yang dengan baru sekiranya berlaku kehilangan.
- Setiap parcel dilindungi insuran 100%. Limit berat emas dalam satu parcel ialah 21.25 gram (bersamaan dengan 5 dinar).



5 **CARA NAK JUAL BALIK EMAS PUBLIC GOLD?**

- Kalau **emas fizikal** yang ada di tangan, bawa sahaja emas tersebut ke mana-mana **branch Public Gold** terdekat. Boleh terus **datang walk-in** tanpa perlu buat appointment.
- Kalau emas masih di dalam **Akaun Emas GAP**, login aplikasi "Public Gold", **klik butang "Sell"**. Public Gold akan membuat bayaran dalam masa **2 - 3 hari bekerja**.

6 **CARA UNTUK PASTIKAN KETULENAN EMAS PUBLIC GOLD?**

- Setiap kepingan emas Public Gold didatangkan bersama sijil ketulenan yang disahkan oleh assayer (penilai) bebas.
- Kalau mahu, boleh minta staff Public Gold uji ketulenan emas yang dibeli menggunakan "densimeter". Caj perkhidmatan dikenakan untuk setiap emas yang diuji tersebut.
- Sejak mula beroperasi pada tahun 2008, belum ada sebarang laporan tentang isu ketulenan emas keluaran Public Gold.



KEISTIMEWAAN PENYIMPAN EMAS DI BAWAH G100?



G100 merupakan network terbesar dealer Public Gold. Membantu penyimpan emas mempunyai tabungan yang kukuh, dan menjana pendapatan pasif sambil menabung emas. KLIK >> www.g100.my

Sebagai customer Public Gold yang berdaftar di bawah mana-mana dealer G100, anda akan mendapat keistimewaan:

(1) Webinar : Bina 1 Juta Pertama

Belajar cara betul bina kekayaan sambil menabung emas hingga mencapai RM1 juta pertama.

(2) Dibantu oleh Dealer Terlatih

Mendapat servis dan bimbingan dari dealer yang terlatih menggunakan pebagai toolset dan program G100 sediakan.

(3) Support Group Whatsapp

Anda tidak keseorangan dan tidak akan ketinggalan. Anda mempunyai team yang sentiasa berkongsi perkembangan terkini tentang emas dan Public Gold.

(4) Bimbingan Jana Pendapatan Pasif

Mendapat akses ke program PLT, iaitu belajar cara mendapat pendapatan pasif RM2,500 sebulan dalam masa 12 bulan sambil menabung emas daripada mereka yang sudah proven succes. www.g100.my/plt

Ikuti perkembangan program G100 disini: [Jadual Program G100](#)

SUDAH SEDIA MEMULAKAN TABUNGAN EMAS?



**HUBUNGI DEALER
#G100NETWORK YANG
ANDA PERCAYA UNTUK
DAPATKAN BIMBINGAN.**

**SEGALA PERTANYAAN
TENTANG CARA
PENDAFTARAN DAN BELIAN
AKAN DITERANGKAN OLEH
DEALER TERSEBUT.**

**Semoga e-book ini sedikit
sebanyak dapat memberi
manfaat dan kefahaman
kepada anda mengenai emas.**

HUBUNGI SAYA, INTRODUCER ANDA :

KREDIT :

Penulis asal "Ebook 5 Minit Review tentang Emas",
Tuan Mohd Zulkifli Shafie (www.mohdzulkifli.com)

**EBOOK INI TELAH DIKEMASKINI SEMULA DAN DISUSUN
OLEH :**

(G100 PUBLICATION TEAM)

NURHAZWANI HASHIM

AZWA ZULKIFLI

SAKINAH RAMLI

NORLEILA SALLEH

NORFARAH NAJIHA SIMUN